

20/03/2001

Kerajaan latih lebih ramai guru bahasa ibunda

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan melatih lebih ramai guru yang menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri untuk mengajar di sekolah kebangsaan di seluruh negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu akan dapat menghapuskan kecurigaan, terutama di kalangan masyarakat Cina dan India, untuk menghantar anak mereka belajar di sekolah kebangsaan.

"Kita akan melatih lebih banyak guru (seperti itu). Pujuklah mereka untuk menyertai profesion perguruan ini dan menjadi guru bahasa ibunda mereka sendiri.

"Kita mahu mereka (pelajar Cina dan Tamil) belajar bahasa ibunda sendiri. Ini (Malaysia) adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara, mungkin di dunia yang mana bahasa bukan Bumiputera sebenarnya disedia dan digalakkan kerajaan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas majlis taklimat pra-persidangan untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) di lobi Dewan Rakyat, di sini petang ini.

Perdana Menteri diminta mengulas saranan pelbagai pihak supaya sekolah satu aliran diwujudkan. Bagaimanapun, beberapa parti komponen BN, khususnya MCA, MIC dan Gerakan semalam mempertahankan sistem pendidikan pelbagai aliran.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sebenarnya sudah mewujudkan sekolah satu aliran iaitu sistem sekolah kebangsaan, tetapi masih ramai pihak yang tidak memahaminya.

Katanya, kerajaan memberi bantuan supaya sekolah aliran Cina dan Tamil tidak perlu ditutup dengan harapan murid mereka nanti akan menyertai sekolah kebangsaan.

"Ketika kita bentuk sistem sekolah kebangsaan, sudah ada sekolah aliran Cina dan Tamil. Kita rasa ia tidak perlu ditutup, maka kita memberi bantuan kepada mereka. Harapan kita ialah murid yang terdiri daripada anak orang Cina dan India, pergi ke sekolah kebangsaan.

"Apa yang berlaku kemudian ialah sekolah kebangsaan dilihat sebagai dikuasai golongan yang cuba menjadikannya sebagai sekolah agama Islam, menyebabkan orang Cina dan India tidak berminat pergi ke sekolah kebangsaan," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, sebelum ini kerajaan tidak membekalkan guru yang menggunakan bahasa ibunda Cina dan India kerana bukan menjadi dasar kerajaan untuk berbuat demikian.

Bagaimanapun sekarang, katanya, kerajaan mahu supaya dalam kelas sekolah kebangsaan itu, diwujudkan guru yang menggunakan bahasa ibunda mereka.

Beliau yakin jika sekolah kebangsaan dijadikan lebih menarik, pelajar Cina dan India akan berminat menyertai sekolah berkenaan.

"Kita tentukan penuntut yang terdiri daripada orang Islam tidak cuba memaksa orang bukan Islam mengikuti cara hidup mereka, termasuk nak paksa orang bukan Islam pakai tudung dan sebagainya.

"Mereka akan dapat pelajaran yang sama dan dapat belajar bahasa ibunda mereka dan tidak ada tekanan seolah-olah mereka mesti terima adab resam dan cara-cara orang Islam," kata Dr Mahathir.

(END)